

Headline **FRIM anjur persidangan pendidikan alam seldtar**
Date **08 Nov 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **29**
Article Size **322 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,364**
PRValue **19,092**



PENDIDIKAN alam sekitar yang berkesan dapat meningkatkan kesedaran dalam aspek pemuliharaan. -Gambar hiasan

FRIM anjur persidangan pendidikan alam sekitar

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menganjurkan satu persidangan pendidikan alam, *The Best of Both Worlds Conference 2010*, yang bertema: *Effective Environmental Education for Biodiversity Conservation* di Kuching, Sarawak, bermula hari ini sehingga 10 November ini.

Menurut kenyataan Unit Pengurusan Korporat FRIM, persidangan tersebut diadakan bertujuan untuk mempromosikan sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar untuk pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Persidangan yang bakal dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas pada hari ini akan mengumpul pakar pendidikan alam, ahli-ahli akademik.

Turut hadir ialah tokoh atau individu yang berkegiatan dengan alam sekitar bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan alam sekitar.

“Pertemuan tersebut penting sejajar dengan usaha pemuliharaan kepelbagaian biologi; membincang tentang pembaharuan dalam pendidikan alam sekitar; dan

berkongsi pengalaman serta pengajaran yang diperoleh dari pada amalan pendidikan alam di serata dunia,” kata kenyataan tersebut.

Penceramah utama pada persidangan itu ialah adalah dua orang pakar pendidikan alam iaitu Prof. Dr Callie Loubser dari University of South Africa dan Prof. Dr Peter Higgins dari University of Edinburgh.

Seramai 90 orang telah mendaftar penyertaan dan mereka terdiri daripada guru sekolah, pengurus taman alam atau rekreasi, ahli akademik, wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan serta individu yang berminat.

Persidangan ini akan mengemukakan para pembentang dari dalam dan luar negara termasuk dari Indonesia, Thailand, dan Singapura.

Mereka akan berkongsi pengalaman serta penemuan mereka berdasarkan empat tema, iaitu Pendidikan Pemuliharaan Flora dan Fauna, Pendidikan Alam Sekitar Untuk Gaya Hidup Lestari; Kaedah Berkesan Dalam Program Pendidikan Alam Sekitar Penilaian Program Pendidikan Alam Sekitar.

Antara topik-topik yang menarik adalah: *The Effectiveness of Conservation Cadre in Nature Conservation Effort: Case Study of Environmental Education in Indonesia; Interactive Workshop: Having Fun in Environmental Education; Biodiversity Conservation in Sarawak; Developing and Implementing Educational and Awareness Sessions and Camps on the Hornbills of Belum-Temenggor, Perak; and bridging Biodiversity and the Urban Landscape: Malaysia's Approaches and Experiences in Public Environmental Education.*

Terdapat juga dua bengkel iaitu *Teachers Workshop* dan *Evaluation Workshop* yang akan dilaksanakan oleh pakar Pendidikan Alam Sekitar di Sama Jaya Nature Reserve pada 9 November.

Bengkel pertama yang direka khusus untuk guru bertumpu kepada cara bagaimana untuk mengadakan aktiviti alam dalam projek-projek penanaman pokok; sementara bengkel kedua menawarkan latihan secara langsung bagaimana untuk menilai keberkesanan projek pendidikan alam sekitar.

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi Dr. Noor Azlin Yahya di talian 03-6279 7242 atau Ahmad

Headline	FRIM anjur persidangan pendidikan alam seldtar	Language	Malay
Date	08 Nov 2010	Page No	29
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	322 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	6,364
Frequency	Daily	PRValue	19,092
Circ / Read	197,952 / 833,287		

**Nazaruddin Mohd. Roseli, 03-6279
7234.**